# SILAT PIKAT PELANCHONG

23 MAY 1971
Berita Minggu

KUALA LUMPUR, Sabtu. — Pelanchong2 dari Australia sangat tertarek hati melihat persembahan kebudayaan Melayu termasok, tarian, bersilat dan upachara perkahwinan, di-Kampong Sungai Ramal Luar, Kajang baru2 ini.

Sa-ramai 120 orang pelanchong Australia itu dalam lawatan ka-seluroh Malaysia, anjoran sabuah sharikat pelanchongan di-sini.

Che Jeanette Duston, juruchakap rombongan itu menyatakan bahawa mereka berasa kagum terhadap persembahan Kebudayaan Melayu yang tidak di-ketahui-nya salama ini.

"Pemuda pemudi Malaysia juga sangat baik dan lekas mesera," kata-nya.

Haji Suhaimi bin Dato Haji Kamaruddin, anggota Dewan Negeri Selangor kawasan Dengkil pula menyatakan bahawa usaha penukaran pelanchong yang di-anjorkan oleh sharikat itu sangatlah baik, kerana dapat menjalin persahabatan antara dua buah negara.

**● Gambar menunjokkan Che Jeanette sedang berjabatangan dengan sa-orang dari ahli silat "tangkas," Persatuan Belia Kampong Sungai Ramal Luar itu, sa-belum berpisah. — Gambar oleh Hamzah Nor.**

# Istiadat menyampai selendang

28 MAY 1971

KOTA BHARU, Khamis. — Tengku Mahkota Kelantan, akan menerima Selendang di-Raja Silat Seni Gayong Selendang Seri Mahkota Chula Sakti, dari Mahaguru Silat Seni Gayong Malaysia, Enche Meor Abdul Rahman dalam satu istiadat yang akan di-adakan di-Stadium Sultan Mohamed Ke-4 di-sini pada hari Ahad ini.

Sementara Menteri Besar Kelantan, Dato Haji Mohamed Asri akan menerima Selendang Kebangsaan Mahkota Chula Sakti.

Demikian menurut satu kenyataan yang di-keluarkan oleh Pertubohan Silat Seni Gayong Malaysia Bahagian Negeri Kelantan.

Sa-banyak 24 jenis pertunjokan seni silat gayong akan di-tunjokkan dalam majlis tersebut.

Di-antara-nya termasok a c h a r a menggigit besi panas, terjun atas kacha, menumbok genting tujoh lapis, memechah batu atas dada dan berjalan di-atas bara api.

# Persatuan silat gayong di-tuboh

MACHANG, Sabtu. — Persatuan Silat Seni Gayong chawangan Pulau Chondong, dekat sini, akan di-tubohkan esok di-Ssekolah Kebangsaan Pulau Chondong.

Sa-ramai 30 orang belia dari kampong sekitar-nya telah mendaftarkan diri untok menyertai Persatuan itu.

Satu pertunjokan silat gayong oleh ahli2 Persatuan Silat Gayong Machang akan di-adakan bersempena penubohan persatuan itu mulai pukol 2.30 petang. — Bernama.

# Seni-silat menyambut ulang tahun-nya

14 JUN 1971

SINGAPURA, Ahad. —Perkumpulan Seni Silat Seligi Putera Kuningan—Seksi Seni Silat Persatuan Bawean Singapura — a k a n menyambut Ulang Tahun Keshukoran-nya pada 17 Julai di-pekarangan Fernhill Road, mulai jam 8.00 malam.

Sa-rentak d e n g a n majlis itu akan di-adakan penyampaian sijil tamat latehan kapada anggota2 perkumpulan itu yang antara-nya terdapat bebarapa orang pelajar wanita.

## Hadiah

Ketua perkumpulan itu, Enche Basri Alang, memberitahu bahawa Setiausaha Parlemen kapada Kementerian Pelajaran, Enche Mohd. Ghazali Ismail, akan menyampaikan sijil2 dan hadiah2 kapada peserta2 yang lulus tadi.

Enche Ghazali di-duga a k a n menyampaikan uchapan-nya d a l a m majlis itu kelak.

Di-samping jamuan makan, majlis itu akan di-selingi dengan bebe-rapa pertunjokan penchak silat yang antara-nya sumbangan dari Si-dangan Asli, Tae Kwan Do serta Karate — seni silat Jepun.

● Gambar di-atas menunjokkan sa-bahagian dari anggota2 Perkumpulan Seni Silat Putera Kuningan. Berdiri di-kanan sekali ia-lah ketua mereka, Enche Basri Alang.